



BASHIR (lima dari kiri) menerima cenderamata daripada Othman sempena kunjungan hormat Perwila di Wisma Perbadanan Labuan.

Bashir terima *kunjungan hormat* Perwila

LABUAN: Ahli Dewan Negara Senator Datuk Haji Bashir Haji Alias menerima kunjungan hormat daripada Persatuan Penulis Wilayah Persekutuan Labuan (Perwila) yang diadakan di Pejabat Pengerusi Majlis Penasihat Perbadanan Labuan, Wisma Perbadanan Labuan, baru-baru ini.

Rombongan seramai 10 orang itu diketuai oleh Ketua

1 Perwila Haji Othman Mahali. Hadir sama ialah Ketua 2 Perwila Sahar Misron, Setiausaha Francis Lebi dan Bendahari Masmah Mohd Ali.

Pada pertemuan hampir satu jam itu, Perwila mengucapkan tahniah kepada Bashir atas pelantikan sebagai Ahli Dewan Negara yang baharu menggantikan Datuk Haji Yunus Kurus

yang menyandang jawatan itu selama enam tahun.

Perwila berharap hubungan baik yang sedia terjalin erat di bawah kepimpinan Bashir yang juga pengerusi Majlis Penasihat Perbadanan Labuan akan berterusan.

Sementara itu, Othman berkata Perwila telah dijemput untuk menyertai Dialog Teluk ke-10 anjuran

Gabungan Penulis Nasional Malaysia (Gapena) yang akan diadakan di Lawas, Sarawak pada September depan.

“Perwila juga sedang menyiapkan buku sejarah asal usul dan kupasan mengenai kewujudan nama-nama kampung di Wilayah Persekutuan Labuan dan setakat ini sebanyak lapan kampung sudahpun siap dibukukan,” katanya.